

Sinar Harian Online

4 Februari 2018

<http://www.sinarharian.com.my/nasional/hsr-kementerian-pendidikan-tinggi-alu-alukan-kerjasama-1.793428#.WnebGFMc2Vo.facebook>

HSR: KEMENTERIAN PENDIDIKAN TINGGI ALU-ALUKAN KERJASAMA

4 FEBRUARI 2018

FacebookTwitterWhatsAppEmailMore25

HSR: Kementerian Pendidikan tinggi alu-alukan kerjasama



Idris Jusoh (belakang empat, kanan) bergambar bersama penerima sumbangan pendidikan pada Karnival Pendidikan Tinggi Negara 2018 hari ini. - Foto Bernama

MELAKA - Kementerian Pendidikan Tinggi mengalu-alukan kerjasama daripada pelbagai pihak dalam Projek Kereta Api Berkelajuan Tinggi Kuala Lumpur-Singapura (HSR) bagi meningkatkan kepakaran dan kemahiran pelajar institusi pengajian tinggi (IPT).

Menteri berkenaan Datuk Seri Idris Jusoh berkata kerjasama sedemikian dapat mengembangkan bidang kemahiran pelajar IPT serta memberi kebaikan kepada negara dalam jangka masa panjang.

“Sistem pendidikan kita terbuka. Jadi, apa sahaja kerjasama yang kita rasa patut dilakukan oleh senat universiti kerana selaras dengan kehendak industri negara, kita amat galakkan,” katanya kepada pemberita pada Karnival Pendidikan Tinggi Negara (KPTN) 2018 di Pusat Dagangan Antarabangsa Melaka (MITC), Ayer Keroh hari ini.

Majlis itu yang dirasmikan Ketua Menteri Melaka Datuk Seri Idris Haron turut dihadiri Timbalan Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Dr Mary Yap Kain Ching, naib-naib canselor, rektor serta wakil universiti awam dari seluruh negara.

Idris berkata selain HSR, yang merupakan projek infrastruktur terbesar di Asia Tenggara, projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) juga membuka pelbagai bidang kemahiran yang baharu dan memerlukan tenaga pakar yang ramai.

Seiring dengan hasrat kerajaan menaik taraf hidup rakyat ke fasa lebih tinggi, beliau berkata peluang yang wujud daripada kerjasama berkenaan mampu mengubah cara dan budaya hidup masyarakat ke arah yang lebih baik.

“Apa sahaja bentuk kerjasama yang memberi impak positif kepada IPT di negara ini, pihak kementerian akan sentiasa memberi sokongan dan galakan kerana ia merupakan peluang keemasan yang perlu digarap oleh semua pelajar dan tenaga pengajar,” katanya .

Baru-baru ini, Bernama melaporkan bahawa Jepun menyasarkan tiga universiti tempatan sebagai rakan mewujudkan pusat-pusat latihan bagi melahirkan tenaga kerja mahir bagi projek HSR dan langkah itu juga menjadi teras pemindahan teknologi dan pelan pembangunan modal insan dari Jepun, sekiranya negara itu memenangi bidaan projek HSR.

Tiga universiti berkenaan ialah Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM), Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Ketiga-tiga universiti itu dipilih kerana terletak di dalam jajaran HSR.

Projek HSR, yang merupakan usaha sama antara Malaysia dan Singapura bernilai antara RM50 bilion dan RM60 bilion itu, dijadual memulakan operasi pada 2026.

HSR boleh memendekkan masa perjalanan dari Kuala Lumpur ke Singapura kepada 90 minit berbanding antara empat dan lima jam melalui jalan raya. –Bernama